

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB UST. DATUK DR. MOHD.
KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI
[KUALA NERUS]

TARIKH : -

SOALAN

Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan perancangan menggunakan tenaga angin bagi menjana tenaga elektrik di negara ini yang dikatakan boleh menjimatkan kos sebanyak 50 peratus seperti yang bakal dilaksanakan di UiTM Terengganu.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian sedia maklum bahawa pihak UiTM Terengganu sedang berusaha membangunkan teknologi tenaga angin di kampus mereka. Dalam hal ini Kementerian ini sedar tenaga angin mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai salah satu sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB). Sehubungan ini, dengan menggunakan dana Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) sebanyak RM1.85 juta, Kementerian telah melantik Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA Malaysia) bagi mengkaji potensi tenaga angin di tujuh (7) kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak sebagai sumber TBB yang boleh disenaraikan untuk mendapat faedah daripada mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT). Di samping itu, pihak Universiti Malaysia Terengganu (UMT) juga sedang menjalankan kajian yang serupa di lima kawasan berlainan di Semenanjung dan Sabah dengan menggunakan *Techno Fund* daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sebanyak RM1.97 juta.

2. Kajian-Kajian yang dilaksanakan ini akan dapat membantu Kementerian menentukan sama ada sumber angin adalah *commercially viable* untuk dimasukkan di bawah mekanisme FiT supaya mana-mana pihak yang berminat untuk menggunakan tenaga angin seperti UiTM Dungun akan dibayar premium bagi tenaga elektrik yang dihasilkan.

Sekian, terima kasih.
